

Nelayan risau ban pecah

Aktiviti nelayan dan petani terjejas setiap kali hujan lebat, air pasang

ASSAM JAWA - Risiko ban pecah sering menghantui lebih 160 nelayan dan petani setiap kali hujan lebat dan fenomena air pasang besar yang melanda perairan Jeti Assam Jawa/Sungai Bukit Rotan, di sini.

Lebih membimbangkan, bukan sahaja ketiadaan kemudahan kunci air didakwa menjadikan keadaan di kawasan jeti terbabit semakin teruk malah ia ditambah dengan projek kolam udang.

Difahamkan, isu ban pecah sering dibangkitkan kepada pihak berwajib dan pemimpin setempat bagaimanapun masih belum menerima perkembangan positif.

Ketua Jeti Nelayan Assam Jawa/Sungai Bukit Rotan, Sulian Abdul Malek, berkata, lebih 60 nelayan yang ada di kawasan itu menantikan kemudahan kunci air bagi membolehkan air sungai mengalir dan nelayan ke laut.

"Kawasan ini tak ada kemudahan kunci air disebabkan tak ada muara sungai yang luas tapi bagi nelayan jika kunci air diwujudkan mungkin aliran sungai dapat diluaskan.

"Ini kerana sisa kumbahan projek kilang udang pun dibuang ke parit dan bila hujan lebat, air laut melimpah masuk ke dalam kawasan kampung," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, ban pecah juga menyumbang kepada limpahan air setiap kali hujan lebat dan fenomena air pasang besar sehingga menjejaskan tanaman serai dan sayuran petani.

"Ban terhakis disebabkan projek kolam udang. Jika dulu pengusaha kolam udang yang selenggara ban tapi sekarang ban yang ada ni dah terhakis. Jadi, bila air melimpah jalan nak ke jeti dinaiki air.

"Jalan ke jeti pun masih tanah merah tak macam jeti tempat lain yang diturap cantik. Tak tahulah kenapa kami dianaktirikan dan terpinggir dari bentuk kemudahan.

"Kunci air paling dekat pun di Kuala Selangor dan Sungai Buloh. Kalau diwujudkan satu di kawasan ni, mungkin ramai nelayan boleh



Irmohizam (tiga, kiri) bersama nelayan setempat selepas meninjau Jeti Assam Jawa/Sungai Bukit Rotan.

terus turun ke laut dan tak perlu nak pergi jeti lain," katanya.

Hasil tanaman terjejas

Bagi petani, Irwan Mohd Amin, 55, isu ban pecah yang sudah berlarutan sejak November tahun lalu menyebabkan petani terpaksa menanggung kerugian akibat tanaman dibanjiri air masin.

"Air pasang paling buruk pada November tahun lepas itu menyebabkan ban pecah dan air masin melimpah masuk ke dalam kebun kelapa sawit hingga merosakkan tanaman serai dan sayuran.

"Sekarang ni pun cuaca mendukung dan hujan kami jadi takut bila memikirkan tanaman akan terjejas akibat limpahan air masin tapi jika ban dapat dibaiki, legalah kami," katanya.



IRWAN



SULIAN

Irmohizam berkata, dia sudah memanjang ke- luhan petani dan nelayan itu kepada pihak ber- wajib selepas melawat kawasan berkenaan.

"Saya sudah pun me- lawat kawasan dan ber- temu nelayan setempat bagi mendalami masa- lah mereka yang ke- banyakannya memohon untuk mewujudkan se- buah kunci air. Walau- pun bidang kuasa tanah di bawah pentadbiran kerajaan negeri namun saya sudah panjangkan kepada pihak berwajib supaya isu ini dapat diberikan perhatian segera.

"Kalau boleh, permohonan un- tuk bina kunci air dapat disegerakan supaya sekiranya berlaku hujan lebat dan air pasang besar, risiko limpahan air dapat dikurangkan. Saya ber-

harap isu ini diberikan perhatian dan keutamaan agensi berkaitan dan kerajaan negeri bagi membantu nelayan di Assam Jawa," katanya.

Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menegaskan, pihaknya juga berdepan kekangan untuk menaik- taraskan atau baik pulih jeti yang ada di negeri ini berikutan tiada kelulusan pihak berkaitan.

"Sudah menjadi hasrat LKIM untuk menjaga kebajikan nelayan melalui kerja naik taraf jeti sedia ada bagaimanapun sehingga kini kami masih gagal menerima kata putus atau sebarang kelulusan daripada kerajaan negeri.

"Sebagai contoh Jeti Nelayan Sungai Sembilang yang diiktiraf sebagai hub perikanan dan diberikan peruntukan khas untuk kerja naik taraf jeti yang diumumkan Perdana Menteri," katanya.

Menurutnya, kunci air di kawa- san itu dilihat penting kerana paloh yang ada menyumbang aliran air ke muara dan parit tidak sebu.

Panjangkan isu kepada pihak berwajib

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr



Sulian (dua, kiri) menerangkan isu kepada Irmohizam ketika tinjauan di kawasan jeti.



Kawasan Jeti Assam Jawa/Sungai Bukit Rotan perlu diberikan perhatian.